

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 17**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik berkaitan dengan hutang isi rumah dan jumlah orang muflis mengikut kategori umur di negara kita. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan hutang isi rumah dan kadar muflis yang kian meningkat.

**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), statistik terkini sejak tahun 2015 hingga bulan April tahun 2019 menunjukkan seramai **76,698** pengutang telah diisyiharkan bankrap. Golongan umur yang mencatatkan jumlah kebankrapan yang tertinggi ialah antara 35 hingga 44 tahun pada tahun 2016 iaitu seramai **6,601** orang. Tiada rekod Jabatan ini yang mencatatkan statistik hutang isi rumah. Statistik terperinci jumlah orang muflis mengikut kategori umur tahun 2015 hingga bulan April 2019 sebagaimana dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

**Jumlah Kes Kebankrapan Mengikut Golongan Umur Dari Tahun 2015 Hingga Bulan April 2019**

Golongan Umur	Tahun					Jumlah	Peratus
	2015	2016	2017	2018	2019		
Di bawah umur 25	122	91	80	139	24	456	<b>0.59</b>
25-34	4,648	5,183	4,785	4,139	890	19,645	<b>25.61</b>
35-44	6,507	6,601	6,241	5,958	1,508	26,815	<b>34.96</b>
45-54	4,744	4,967	4,628	4,022	967	19,328	<b>25.20</b>
55 dan ke atas	2,299	2,536	2,354	2,106	544	9,839	<b>12.83</b>
Tiada maklumat	137	210	139	118	11	615	<b>0.80</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>18,457</b>	<b>19,588</b>	<b>18,227</b>	<b>16,482</b>	<b>3,944</b>	<b>76,698</b>	<b>100.00</b>

*Catatan : Bagi golongan umur “Tiada Maklumat”, bankrap tidak pernah hadir ke Mdl. Dokumen petisyen tidak mengandungi butiran usia bankrap (Pengenalan Polis / Tentera).*

Kerajaan pada masa kini telah mengambil beberapa langkah dan usaha bagi mengurangkan kadar muflis di Malaysia. Kerajaan juga memandang serius terhadap fenomena ini yang berpunca daripada perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan yang berhemah.

Oleh yang demikian, bagi membendung masalah ini, Mdl telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis dengan melaksanakan program bersama masyarakat (*outreach programme*) serta Mdl Prihatin. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam khususnya di kalangan anak muda termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu muflis kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah kebankrapan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu muflis. Program ini juga melibatkan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra kebankrapan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik.

Selain daripada itu, pendidikan kewangan dalam kurikulum pendidikan serta peringkat komuniti bagi meningkatkan pengetahuan pengurusan kewangan boleh diterapkan. Melalui pendidikan ini akan dapat membantu golongan belia khususnya untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kemuflisan.

Sekian, terima kasih.